

Selasa, 14 Januari 2020 | 4:11pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. - Foto NSTP

## Pinda akta ekonomi digital bendung monopoli firma

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan meminda Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia membabitkan ekonomi digital bagi membendung kuasa besar teknologi dan serta amalan anti-kompetitif baharu dalam era digital.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pindaan berkenaan bagi melindungi rakyat daripada pencerobohan privasi di samping menangani secara berkesan isu persaingan dalam landskap ekonomi yang sentiasa berubah.

"MyCC akan terus mengawasi isu persaingan dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi digital dengan teliti. Ini bersetujuan dengan tindakan semua kerajaan di dunia yang bertindak balas dalam membendung kuasa besar teknologi yang membawa cabaran baru untuk pengawal selia."

"Aspek penambahbaikan perlu dilakukan mengikut keadaan semasa bagi mengelakkan pengguna dan peserta pasaran lain terjejas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan ucaptama dalam program bersama tokoh dan pakar undang-undang persaingan antarabangsa di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pengguna) KPDNHEP, Datuk Rostam Affendi Salleh; Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Domestik) KPDNHEP, Dr Alauddin Sidai; dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail.

Saifuddin berkata, pindaan perkara membatikan ekonomi digital juga adalah selaras tuntutan dunia membatikan beberapa kes besar syarikat teknologi utama yang berdepan dengan denda tinggi ekoran pelanggaran persaingan dalam beberapa bidang.

"Di Malaysia, MyCC menyiasat beberapa syarikat teknologi yang dominan seperti MyEG, Dagang Net dan terbaru Grab Malaysia mengenai pelbagai isu dari syarat yang berbeza dalam urus niaga sama, penolakan pembekalan hingga 'rampasan' pasaran," katanya.

Disember lalu, Facebook didenda 10 juta euro (RM45.3 juta) oleh pihak berkuasa persaingan Itali ekoran kegagalan memaklumkan kepada pengguna bahawa maklumat peribadi mereka boleh dijual.

Di Perancis, Google didenda 150 juta euro (RM680.2 juta) selepas Suruhanjaya Persaingan Perancis mendapati gergasi teknologi itu menyalahguna kedudukan dominannya.

Saifuddin berkata, selain perkara yang membatikan ekonomi digital, MyCC dalam proses meminda lima lagi perkara tahun ini bagi meningkatkan kecekapan dan keupayaan suruhanjaya ini.

"Pindaan perkara dalam Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia juga akan memberi penekanan kepada keperluan dasar selain memastikankekangan dan kelemahan diselaraskan, dengan proses serta prosedur penyiasatan ditambah baik bagi memperkasakan suruhanjaya ini dalam misi melindungi proses persaingan di Malaysia.

"Pindaan kini menjadi satu keperluan memandangkan, undang-undang seperti kita tahu bersifat dinamik bukan statik dan Parlimen ada fungsi di mana jika tiada undang-undang baharu, kita akan pinda untuk mengemaskini, meningkatkan tahap kecekapan dan keupayaan MyCC bagi memenuhi tujuan penubuhannya," katanya.

Program anjuran MyCC bersama tokoh dan pakar undang-undang persaingan antarabangsa hari ini adalah bagi membincangkan topik berkaitan persaingan seperti Tipuan Bida, Ekonomi Digital dan Rejim Kawalan Penggabungan turut disertai Profesor Undang-undang Persaingan King's College, Prof Emeritus Richard Whish, dan peguam dari firma peguambela dan peguamcara Osborne Clarke, Harikumar Pillay.

# Pinda akta ekonomi digital bendung monopoli firma

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)** akan meminda Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia membabitkan ekonomi digital bagi membendung kuasa besar teknologi dan serta amalan anti-kompetitif baharu dalam era digital.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pindaan berkenaan bagi melindungi rakyat daripada pencerobohan privasi di samping menangani secara berkesan isu persaingan dalam landskap ekonomi yang sentiasa berubah.

"MyCC akan terus mengawasi isu persaingan dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi digital dengan teliti. Ini bersesuaian dengan tindakan semua kerajaan di dunia yang bertindak balas dalam membendung kuasa besar teknologi yang membawa cabaran baharu untuk pengawal se lia.

"Aspek penambahbaikan perlu dilakukan mengikut keadaan semasa bagi mengelak pengguna dan peserta pasaran lain terjejas," katanya selepas menyampaikan ucaptama dalam program bersama tokoh dan pakar undang-undang persaingan antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam.

Saifuddin berkata, pindaan akta itu juga selaras tuntutan dunia membabitkan beberapa kes besar syarikat teknologi utama yang berdepan dengan denda tinggi

ekoran pelanggaran persaingan dalam beberapa bidang.

"Di Malaysia, MyCC menyiasat beberapa syarikat teknologi dominan seperti MyEG, Dagang Net dan terbaru Grab Malaysia mengenai pelbagai isu daripada syarat berbeza dalam urus niaga sama, penolakan pembekalan hingga 'rampasan' pasaran," katanya.

Disember lalu, Facebook didenda 10 juta euro (RM45.3 juta) oleh pihak berkuasa persaingan Itali kerana kegagalan memaklumkan kepada pengguna bahawa maklumat peribadi mereka boleh dijual.

Di Perancis, Google didenda 150 juta euro (RM680.2 juta) selepas Suruhanjaya Persaingan Perancis mendapati gergasi teknologi itu menyalahguna kedudukan dominannya.

Saifuddin berkata, selain perkara membabitkan ekonomi digital, MyCC dalam proses meminda lima lagi perkara tahun ini bagi meningkatkan kecekapan dan keupayaan suruhanjaya ini.

Program anjuran MyCC bersama tokoh dan pakar undang-undang persaingan antarabangsa itu yang membincangkan topik berkaitan persaingan seperti Tipuan Bida, Ekonomi Digital dan Rejim Kawalan Penggabungan turut disertai Profesor Undang-undang Persaingan King's College, Prof Emeritus Richard Whish dan peguam dari firma peguam bela dan peguam cara Osborne Clarke, Harikumar Pillay.